



**JABATAN KETUA MENTERI**  
*Chief Minister's Department*  
Aras 28, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan UMS, Teluk Likas  
88400 KOTA KINABALU, SABAH  
MALAYSIA

Tel : +6088-369 900  
Faks : +6088-211 016

Rujukan: JPAN: 100-4/19/1 (30)  
Tarikh: 22 JAN 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian;  
Semua Ketua Jabatan Negeri;  
Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah Kecil;  
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Negeri; dan  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

### **TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM MELINDUNGI MAKLUMAT RAHSIA DAN TERPERINGKAT KERAJAAN**

Perkara di atas dirujuk.

2. Semua penjawat awam adalah diingatkan untuk mematuhi sepenuhnya arahan Kerajaan. Penjawat awam hendaklah menjalankan tugas yang diamanahkan berdasarkan kuasa rasmi yang diperuntukkan kepadanya dan mengurus maklumat Kerajaan dengan penuh berhemah dan bijaksana.

3. Bagi menjamin kewibawaan penjawat awam dalam perkara ini, Kerajaan telah mengeluarkan beberapa akta, pekeliling dan peraturan yang perlu dipatuhi seperti berikut:

- a) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88);
- b) Arahan Keselamatan Kerajaan;
- c) Aku Janji Pegawai Awam;
- d) Buku Arahan Keselamatan – Perkara 42 – 60 – Pengurusan Dokumen Terperingkat, Peringkat Keselamatan, Tanda Keselamatan dan Penyimpanan Perkara-Perkara Berperingkat;
- e) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 Bahagian V: Kelakuan dan Tatatertib – Membuat Pernyataan Awam; dan
- f) Semua peraturan berkaitan yang berkuatkuasa.

.../2

**“SABAH MAJU JAYA”**

Rujukan : JPAN:100-4/19/1 (30)

Tarikh : 22 JAN 2021

## **TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM MELINDUNGI MAKLUMAT RAHSIA DAN TERPERINGKAT KERAJAAN**

---

4. Semua penjawat awam mestilah menjaga integriti masing-masing terutama sekali berkenaan tindakan membocorkan dokumen Kerajaan Terperingkat dan seumpamanya yang dianggap sebagai kesalahan berat. Mana-mana pegawai yang didapati membocorkan maklumat atau dokumen terperingkat Kerajaan adalah disifatkan telah melanggar peraturan 208, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (Kelakuan dan Tatatertib). Pelanggaran peraturan ini boleh menyebabkan penjawat awam dikenakan tindakan tatatertib.
5. Oleh yang demikian, semua ketua organisasi dan penyelia adalah disarankan supaya memastikan pegawai-pegawai di bawah seliaan masing-masing sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dan melaksanakan pemantauan secara berterusan.
6. Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, J.P. )**  
Setiausaha Kerajaan Negeri

**“SABAH MAJU JAYA”**